

UCAPAN

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS TAUTAN DESA MADANI

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)

PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI (KAM) TAHUN 2024

PADA

1 DISEMBER 2024 (AHAD) | 2:45 PETANG

LOKASI

KAMPUNG SUNGAI BETUL, BAGAN DATUK, PERAK

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis.

SALUTASI

(Akan diberikan sebelum majlis)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera.

MUKADIMAH

1. Senario luar bandar di negara kita telah banyak berbeza dari 50 tahun yang lepas. Kalau dahulu aktiviti harian penduduk kampung berkisarkan aktiviti tradisional seperti mengerjakan sawah padi, kebun kelapa, berkebun tanaman kontan dan sebagainya.

2. Namun begitu, zaman telah banyak berubah. Kehidupan kita di kampung juga terkesan dengan episod pembangunan yang berlaku di kawasan perbandaran. Pembangunan yang pesat di sana menyediakan banyak peluang pekerjaan dan ini mencetuskan penghijrahan penduduk kampung ke kawasan bandar bagi mencari sesuap nasi demi memperbaiki kehidupan masing-masing.

3. Selepas berpuluh tahun keadaan ini berlaku, di bandar juga semakin tepu dengan bilangan penduduk yang semakin hampir mencapai tahap maksimum yang boleh ditampung oleh bandar. Mencari rezeki juga semakin tinggi cabarannya dan sudah sampai masanya kita mungkin perlu kembali ke kampung halaman untuk menyambung kehidupan kita.

4. Untuk kembali hidup di kampung, persekitaran kampung dan prasarananya perlu lengkap dan memenuhi keperluan asas komunitinya, selaras dengan perkembangan semasa. Selain dari itu, barisan kepimpinan dan aktiviti sosioekonomi perlu diperkasakan agar kesejahteraan komuniti dapat dicapai sepertimana yang dihasratkan. Kampung perlu bersedia untuk menjadi pusat atau hab ekonomi setempat.

KAMPUNG ANGKAT MADANI KKDW 2024

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Alhamdulillah, saya amat bersyukur kerana berkaitan dengan perkara yang saya sebut sebentar tadi, Kerajaan MADANI sememangnya sangat prihatin dan mengambil

berat terhadap keperluan asas rakyat lebih-lebih lagi yang berada di kawasan perdesaan seluruh negara. Keprihatinan ini bukan hanya dizahirkan melalui ucapan, tetapi ianya diterjemahkan melalui komitmen berterusan.

6. Kerajaan melalui Belanjawan 2024 telah memperkenalkan Program Kampung Angkat MADANI ini dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta bagi setiap Kementerian dan Jabatan untuk memilih satu (1) kampung yang mempunyai liputan kemudahan di bawah 50%.

7. Tujuannya adalah untuk membantu melengkapkan dan memperbaiki infrastruktur dan kemudahan asas di kampung yang telah dipilih. Selain itu, program-program bukan fizikal juga turut dilaksanakan.

8. Saya amat berpuas hati dengan hasil dari lawatan saya sebentar tadi, saya dapat menyaksikan sendiri yang Kampung Sungai Betul telah menerima pelbagai bentuk projek fizikal dan juga program bukan fizikal, sebagai suntikan untuk kampung ini bagi mula mengorak langkah kepada keadaan yang lebih baik.

9. Untuk makluman hadirin sekalian, Majlis Tautan Desa MADANI Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) ini merupakan satu simbolik penyempurnaan

komitmen KKDW bagi Program Kampung Angkat MADANI (KAM) Tahun 2024. KKDW telah memberikan penumpuan kepada projek dan program berikut kepada Kampung Sungai Betul:

i. Naik Taraf Pagar di Beting Beras Basah (RM 300,000);
ii. Naik Taraf Jalan Perhubungan Desa dari Kg. Bagan Sungai ke Beting Beras Basah (RM800,000);
iii. Naik Taraf Jalan Ladang Pertanian (RM200,000);
iv. Naik Taraf Dewan Orang Ramai (RM200,000);
v. Naik Taraf Padang Bola Sepak, Sekolah Kebangsaan Sungai Betul (RM200,000);
vi. Baik Pulih Titi Sg. Balai dan Titi Klinik Desa Sg. Balai (RM100,000);
vii. Naik Taraf Surau Idrisiah dan Masjid Ismailiah (RM200,000);
viii. Baik Pulih Rumah Rakyat Miskin/B40 sebanyak 25 buah rumah (RM400,000); dan
ix. Program Komuniti seperti Gotong Royong Keceriaan Kampung (RM100,000), Program Mobile Learning Hands-on Pengurusan Desa & Kursus Kecemerlangan Belia Luar Bandar (kos pelaksanaan ditanggung oleh pihak Institut Kemajuan Desa – INFRA), serta Kursus Kek dan Pastri oleh GIATMARA.

10. Kementerian amat berharap dengan perbelanjaan yang sangat besar begini, masyarakat Kampung Sungai Betul dapat menikmati kesejahteraan dalam kehidupan seharian. Dengan kemudahan-kemudahan yang bukan lagi sekadar dengar-dengar di hujung telinga malah sudah berada di depan mata tuan-tuan dan puan-puan, saya rasa sewajarnya kita menanamkan rasa syukur dan menghargai usaha-usaha berterusan yang ditunjukkan oleh Kerajaan.

11. Oleh itu, sama-samalah kita beriltizam untuk terus memanfaatkan sebaik-baiknya segala kemudahan yang telah diterima dan berusaha membangunkan lagi kampung ini agar menjadi sebuah kampung yang berdaya saing dan mampu meningkatkan ekonomi penduduk setempat. Usaha ini juga perlu ditanam pada setiap peringkat umur masyarakat agar ia berlaku secara berterusan.

KOMITMEN KERAJAAN MADANI

12. Sebagai Menteri KKDW dan Ahli Perlimen bagan Datuk, saya juga ingin nyatakan bahawa KKDW akan meneruskan usaha untuk pelaksanaan projek dan program seperti ini di tahun hadapan kerana menyedari bahawa inisiatif-inisiatif seperti ini dapat membantu

meningkatkan kesejahteraan hidup, meningkatkan pendapatan melalui aktiviti ekonomi setempat dan memperkasakan aktiviti modal insan.

13. Usaha ini diharapkan dapat melahirkan penduduk desa yang berdaya saing sekali gus membantu menyumbang kepada pengurangan bilangan miskin tegar di kalangan penduduk luar bandar.

14. Selain program Kampung Angkat Madani, seluruh masyarakat di bagan Datuk ini telah dilimpahi kemajuan dan pembangunan yang berlaku saban tahun. Lihatlah kewujudan infrastruktur pendidikan seperti Politeknik Bagan Datuk, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Bagan Datuk, Pusat Giat MARA, Kompleks Sukan Bagan Datuk dan Jambatan Sultan Nazrin Shah.

15. Semua ini telah menjadikan Bagan Datuk sebagai tumpuan masyarakat sama ada untuk mendapatkan peluang pendidikan, menjalankan aktiviti perekonomian mahupun melancong ke daerah ini.

16. Apa yang lebih penting, sepanjang 2 tahun tertubuhnya Kerajaan Madani, usaha-usaha untuk meningkatkan kemajuan dan kesejahteraan masyarakat desa tidak pernah terhalang atau diganggu sedikitpun. Buktinya,

KKDW sebagai Kementerian yang bertanggungjawab menjaga kampung-kampung di seluruh negara telah diperuntukkan sebanyak RM11.55 bilion menerusi Belanjawan 2025 dan ianya melebihi peruntukan yang diterima pada tahun 2022 dan 2023.

17. Saya yakin, melalui peruntukan ini, KKDW dapat menjamin kesinambungan projek sedia ada dan juga meningkatkan pelaksanaan projek pembangunan di desa termasuk di kawasan pedalaman, bukan sahaja dari segi infrastruktur tetapi juga dari segi ekonomi, sahsiah, spiritual dan modal insan.

18. Ini seterusnya dapat menyokong pembangunan sosio-ekonomi serta mewujudkan persekitaran kehidupan desa yang sejahtera dan makmur seperti mana yang digariskan dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

19. Sebelum berakhir, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak sama ada di bawah Kementerian atau di bawah Kerajaan Negeri Perak, terutamanya Pejabat Parlimen, Pejabat Daerah dan Tanah Bagan

Datuk, serta barisan kepimpinan tempatan yang telah banyak membantu untuk memastikan kesemua perancangan KKDW bagi Kampung Sungai Betul dilunaskan sepertimana yang dijanjikan.

20. Selain dari itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak UiTM dan UPSI yang turut terlibat melaksanakan program bersama-sama komuniti Kampung Sungai Betul.

21. Jalinan kerjasama yang erat sebegini amatlah diperlukan, terutamanya agensi di peringkat akar-umbi, daerah dan negerilah yang benar-benar mengenali dan memahami situasi sebenar penduduk di desa. Diharapkan agar kerjasama ini terus utuh untuk manfaat penduduk desa seperti hadirin yang berada di hadapan saya dalam majlis ini.

22. Ingatlah, majlis ini bukan sahaja sekadar untuk meraikan program semata-mata, sebaliknya manifestasi komitmen Kerajaan dalam membangunkan kawasan ini dan meningkatkan kualiti hidup penduduk.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wa Barakatuh.